



RAMAN (tengah) bergambar bersama antara peserta ketika pada kejohanan itu.

UMS anjur golf amal sempena Majlis Konvokesyen Ke-20

WB 7.11.2018 AII

KOTA KINABALU: Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) menganjurkan Kejohanan Golf Amal Konvo 2018 di Nexus Golf Resort bertujuan mengumpul dana untuk Majlis Konvokesyen UMS ke-20 di Karambunai baru-baru ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pengangur Prof. Madya Dr. Raman Noordin berkata, kejohanan itu berjaya menarik penyertaan sebanyak 14 kapal (flight) melibatkan 56 peserta dari pelbagai agensi kerajaan dan swasta termasuk Universiti Teknologi Mara (UiTM), orang perseorangan dan kakitangan UMS sendiri.

"Kejohanan ini antara lain bertujuan untuk membantu mengumpul dana bagi menampung sebahagian dari kos Majlis Konvokesyen UMS ke-20, 2018 selain mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara UMS dengan masyarakat luar," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Selasa.

Beliau berkata, sebanyak dua kategori terbuka dipertandingkan melibatkan kategori Nett menerusi format Stroke Play Sistem 36 dan kategori Gross.

"Selain itu, pihak pengangur turut menyediakan hadiah-hadiah novelti berupa pukulan terjauh, pukulan terdekat dengan garisan, Bull 's Eye serta pelbagai hadiah cabutan bertuah yang menarik," katanya.

Kejohanan itu menyaksikan Abu Bakar Nasaruddin dinobatkan sebagai pemenang kategori Gross, manakala Noor Masrandi Abdul berjaya meraih kejuaraan bagi kategori Nett.

Penyampaian hadiah kepada para pemenang dan penyampaian hadiah cabutan bertuah turut

disempurnakan Dr. Raman mewakili Naib Canselor UMS, Prof. Datuk. Dr. D Kamarudin D Mudin. - Oleh YAP SIONG HAN